

KISAH SANG KANCIL DAN MEMERANG SEBAGAI PENERAPAN ADAB KEPIMPINAN DALAM KALANGAN KANAK-KANAK

Siti Fatimah binti Mamat
Roslina Binti Abu Bakar
Arbai'e bin Sujud
Universiti Putra Malaysia

Abstrak

Makalah ini membincangkan watak binatang yang popular dalam cerita binatang iaitu watak Sang Kancil sebagai watak utama yang dilihat sebagai watak pemimpin. Sehubungan dengan itu, *Kisah Sang Kancil dan Memerang* dilihat begitu signifikan untuk dibincangkan kerana memaparkan elemen adab yang dapat diterapkan dalam kalangan masyarakat Melayu terutamanya kanak-kanak. Cerita binatang merupakan cerita dongeng yang terkenal dalam kalangan setiap bangsa di dunia. Setiap bangsa di dunia mempunyai cerita binatangnya yang berbeza-beza mengikut versi tempat masing-masing walaupun watak utamanya adalah sama. Sebagai contoh watak Sang Kancil terkenal diseluruh dunia namun wujud dalam pelbagai versi. Masyarakat Melayu menjadikan watak binatang mempunyai perwatakan seperti manusia iaitu boleh bercakap, bekerja dan mempunyai cara hidup seperti manusia. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah temubual untuk mendapatkan cerita binatang. Kajian ini mengaplikasikan pendekatan Adab berasaskan kerangka pemikiran Syed Naquib Al-Attas (2001). Kajian ini mempunyai dua objektif iaitu yang pertama untuk mengenalpasti elemen adab yang terdapat di dalam cerita binatang dan untuk menganalisis kesan penerapan adab dalam kalangan masyarakat Melayu berdasarkan cerita binatang iaitu *Kisah Sang Kancil dan Memerang*. Hasil kajian mendapati bahawa cerita binatang telah menjadikan watak binatang mempunyai perwatakan seperti manusia iaitu mempunyai akal budi dan cerita yang dipaparkan dapat memberi pengajaran dan contoh tauladan kepada masyarakat Melayu. Selain itu, Cerita binatang tidak hanya menonjolkan kejenakaan dan kelucuan semata-mata malahan terdapat pengajaran yang bermakna untuk nilai tambah ilmu kepada masyarakat Melayu khususnya tanpa mengenal lapisan peringkat umur. Seterusnya, adab yang dipaparkan dalam cerita binatang juga secara tidak langsung akan mempengaruhi jiwa kanak-kanak agar mereka berkelakuan baik dan tahu tanggungjawabnya sebagai seorang ketua.

Kata Kunci: cerita binatang, cerita rakyat, sang kancil, pendekatan adab

KISAH SANG KANCIL DAN MEMERANG AS A CONSIDERATION OF ADABILITY IN CHILDREN'S ACCIDENT

Abstract

This paper discusses the popular animal characters in the animal story of the Kancil character as the main character seen as the leader character. In this regard, the Story of Kancil and Memerang is seen as significant to discuss as it presents elements of manners that can be applied to the Malay community especially children. Animal Stories is a well-known fairy tale among every race in the world. Every nation in the world has different animal stories based on their version of their place even though the main character is the same. For example the character of the Chancellor is known worldwide but exists in

many versions. The Malay community made animal characters as human beings capable of speaking, working, and living as human beings. This study uses qualitative methods, interviews for animal stories. This study applies the approach of Manners based on the framework of Syed Naquib Al-Attas (2001). This study has two objectives, the first to identify elements of manners in animal stories and to analyze the effect of manners on Malay society based on animal stories, the Story of the Kancil and the Fighting. The study found that animal stories have made animal characters human-like and that the stories presented can provide lessons and examples to the Malay community. In addition, animal stories do not only highlight humor and purity but there are important lessons in the value of knowledge to the Malay community especially without knowing the age group. Furthermore, the manners shown in the animal story will also indirectly influence the children's lives so that they behave well and understand their responsibilities as a leader.

Keywords: *animal stories, folk stories, castles, manners approach*

PENGENALAN

Kisah Sang Kancil dan Memerang merupakan cerita yang dikategorikan dalam cerita rakyat Melayu iaitu cerita binatang. Cerita binatang atau dikenali juga sebagai mergastua sangat terkenal dalam kalangan setiap bangsa di dunia. Kebanyakan cerita binatang dituturkan dan disebarkan secara lisan dalam kalangan masyarakat yang tidak mengenal huruf. Mohd Taib Osman (1991: 2) menjelaskan bahawa penyampaian cerita binatang secara lisan telah menyebabkan berlakunya tokoh tambah oleh penutur-penuturnya sama ada secara sedar atau tidak. Hal ini telah menyebabkan timbulnya pelbagai versi cerita binatang dalam kalangan setiap bangsa di dunia. Cerita binatang juga sangat digemari dalam kalangan semua masyarakat di dunia terutamanya dalam kalangan kanak-kanak. Hal ini dapat dilihat melalui pendapat yang dikemukakan oleh Mohd Taib Osman (1991: 2) iaitu beliau menjelaskan bahawa cerita rakyat merupakan bahan yang sangat berharga kepada kanak-kanak kerana dapat dijadikan sebagai panduan kepada mereka agar berkelakuan baik disamping dapat membentuk tatasusila dan beretika dalam sesuatu perkara. Sehubungan dengan itu, berdasarkan pendapat yang dikemukakan oleh beliau jelas menunjukkan bahawa cerita binatang bukan sahaja membawakan watak yang mampu menimbulkan keseronokan kepada kanak-kanak malahan memberi nilai keilmuan melalui watak dan perwatakan binatang dalam menjalani kehidupan seharian yang ditonjolkan dan secara tidak langsung kanak-kanak akan belajar melalui pemerhatian sikap manusia yang baik dan beradab melalui watak binatang tersebut dan membentuk tingkah laku yang baik dalam kalangan kanak-kanak khususnya.

Adab adalah tingkah laku yang diamalkan bersandarkan kepada ilmu. Hal ini berdasarkan pendapat yang dikemukakan oleh Syed Naquib Al-Attas (2001: 119) yang menerangkan bahawa adab merupakan sesuatu perbuatan dan perlakuan yang harus diamalkan didasarkan kepada ilmu. Selain itu, beliau juga menjelaskan bahawa adab adalah sesuatu perbuatan yang betul dan benar serta bertepatan dengan ilmu, hikmat dan keadilan. Seterusnya, Al-Attas (1996: 60) menyatakan bahawa kepentingan adab telah ditekankan oleh Rasulullah SAW dalam sebuah hadis iaitu baginda menyebut "*Addabani Rabbi la Ahsana Ta'dibi :Aku telah dididik oleh Tuhanku maka pendidikanku itu adalah yang terbaik.*" Dalam hal ini baginda ingin menerangkan kepada umat manusia bahawa didikan Allah SWT merupakan sebaik-baik didikan yang diterima daripada Rasulullah SAW yang menekankan kepada konsep adab. Justeru, adab merupakan salah satu elemen penting yang perlu diterapkan dalam diri seseorang itu. Hal ini kerana adab merupakan didikan Allah SWT terhadap Nabi Muhammad SAW. Justeru, pendidikan terutamanya melalui kesusasteraan merupakan salah satu alternatif yang berkesan untuk melahirkan insan yang beradab. Cerita binatang iaitu *Kisah Sang Kancil dan Memerang* merupakan tradisi lisan yang *dilihat* memaparkan nilai-nilai pendidikan yang dapat diterapkan dalam jiwa kanak-kanak terutamanya adab sebagai pemimpin.

Pendapat yang dikemukakan oleh Daeng Abdul hamid (1996:19) menjelaskan bahawa cerita binatang sememangnya menggunakan binatang sebagai watak yang diberi sifat manusia iaitu berakal budi. Namun

begitu, Cerita binatang yang terkenal dalam kalangan masyarakat Melayu ialah Kancil atau pelanduk. Dalam *Hikayat Pelanduk Jenaka* (Daud Baharum, 1962) tokoh binatang yang memainkan peranan utama ialah pelanduk atau kancil yang dikenali sebagai pelanduk jenaka yang mengishtiharkan dirinya yang dilantik oleh seorang wali Allah menjadi raja dirimba dengan gelaran Tuan Syeikh Alam Dirimba. Hal ini jelas menunjukkan bahawa watak binatang yang ditonjolkan bertindak seperti manusia dan berakal budi secara tidak langsung dapat memberi pendidikan kepada kanak-kanak khususnya agar beradab dalam kelakuan. Watak tersebut juga jelas memperlihatkan bahawa dia beranggapan dirinya sebagai seorang ketua atau pemimpin kepada seluruh makhluk di hutan. Justeru, tidak dapat disangkal lagi bahawa cerita binatang menekankan adab kepimpinan dengan menonjolkan watak binatang sebagai lakon utamanya. Adab kepimpinan yang ditonjolkan melalui cerita binatang jelas menunjukkan bahawa binatang merupakan salah satu makhluk yang dijadikan sebagai satira untuk mendidik masyarakat dan memberi sedikit sindiran terhadap betul dan salahnya sesuatu tindakan tersebut. Dalam hal ini jelas memperlihatkan bahawa Sang Kancil merupakan watak yang sering menjadi sebutan dalam kalangan masyarakat Melayu kerana kepintaran wataknya dalam menyelesaikan sesuatu masalah. Justeru, kancil seringkali dianggap sebagai watak yang berperanan sebagai ketua atau pemimpin.

Pemimpin merupakan orang yang sangat dihormati dan disegani dalam sesebuah masyarakatnya. Hal ini dapat dilihat berdasarkan pendapat yang dikemukakan oleh Tenas Effendy (2000: 1) yang menjelaskan bahawa pemimpin merupakan mereka yang disebut sebagai orang yang dituakan oleh kaum dan bangsanya. Beliau juga menjelaskan bahawa pemimpin merupakan orang yang paling dekat dengan rakyatnya yang memainkan peranan penting untuk mengakrabkan hubungan dengan rakyat agar masyarakat hidup dalam keadaan makmur dan sejahtera. Seterusnya, Mohd Fakhurazi Abdul Halim (2012: 5) mendefinisikan pemimpin adalah *Al-Mala* (ketua). Dikatakan bahawa ketua merupakan golongan yang paling mulia. Dalam bahasa Arab dapat dilihat dengan jelas bahawa perkataan *Al-Mala* merujuk kepada kaum bangsawan dan golongan pembesar.

Kajian mengenai kepimpinan dalam cerita binatang ini adalah untuk mendidik kanak-kanak agar mereka tahu adab sebagai seorang pemimpin. Hal ini ekoran daripada pendapat yang dikemukakan oleh Hasyim Musa (2008: 168) iaitu beliau menjelaskan bahawa Barat telah mendominasi kepimpinan moral dunia yang sentiasa perlu dirujuk oleh negara bangsa yang lain. Hal ini jelas menunjukkan bahawa sekiranya perkara ini dipandang enteng secara tidak langsung akan menyebabkan kanak-kanak akan mengikut acuan barat terutamanya apabila mereka dewasa nanti apatah lagi kanak-kanak pada zaman kini sangat terdedah kepada kemajuan teknologi matlumut yang menyebabkan mereka semakin jauh daripada kesusasteraan. Hal ini dapat dilihat melalui pendapat yang dikemukakan oleh Mohd Taib Osman (1991: 2) yang menjelaskan bahawa kehadiran teknologi moden seperti televisyen, radio, pita radio, buku dan perakam suara telah menyebabkan tradisi lisan iaitu cerita rakyat semakin tersisih. Selain itu, cerita binatang terutamanya watak sang kancil dan pelanduk dianggap sebagai watak yang tidak baik. Hal ini dapat dilihat berdasarkan kenyataan yang dikemukakan oleh Danandjaja (1986: 88) yang menjelaskan bahawa terdapat ramai sarjana Barat yang membuat kajian tentang cerita Sang Kancil antaranya sarjana Belanda iaitu Branders, Humme, Palmer, dan H. Kern dengan meneliti dongeng kancil dalam masyarakat Jawa. Sebagai contohnya, sarjana Barat iaitu H. menyatakan bahawa cerita sang kancil ialah tokoh penipu orang jawa. Kenyataan ini jelas menggambarkan bahawa watak binatang dianggap sebagai watak yang penuh dengan tipu helah. Padahal mereka membuat kajian dengan tidak menyeluruh dengan anggapan bahawa cerita rakyat Melayu tidak mempunyai sebarang nilai yang baik. Hal ini terbukti berdasarkan pendapat Mana Sikana yang telah membuat kesimpulan berdasarkan pendapat yang dikemukakan oleh R. O Winstedt tersebut iaitu beliau mengatakan bahawa sarjana barat sememangnya ingin melemahkan masyarakat Melayu dengan memberi anggapan bahawa cerita rakyat Melayu tidak mengandungi sebarang nilai ilmu. Pendapat Mana sikana dapat dilihat sebagaimana yang berikut:

“Pegawai kolonial itu tidak memiliki disiplin kesarjanaan. Mereka tidak mengaitkan atau mahu melihat bahawa sastera rakyat itu sebagai citra peradaban dan warisan mercu sesuatu bangsa. Malah mereka pun tidak terdidik dengan ilmu

sastera. Mereka hanya sekadar mengumpul, dan apabila ada cerita yang boleh melemahkan jiwa anak jajahan, maka itulah yang diketengahkan.”

(Mana Sikana, 2007: 2)

Berdasarkan pendapat tersebut, jelas menunjukkan bahawa sarjana Barat sengaja ingin menyetengahkan cerita yang mampu melemahkan pemikiran masyarakat Melayu dengan perkara-perkara yang menyebabkan jiwa mereka ke arah tingkah laku yang negatif. Hal ini kerana, pegawai kolonial enggan untuk melihat bahawa sastera rakyat sebagai cerita yang mampu membina peradaban dalam kalangan masyarakat Melayu khususnya kerana tujuan utama mereka adalah untuk menjajah dan mempengaruhi jiwa bangsa yang dijajah oleh mereka ke arah kebaratan.

SOROTAN LITERATUR

Kajian lepas oleh Siti Fatimah Mamat, Roslina Abu Bakar dan Arba'ie Sujud (2018) iaitu “Adab Terhadap Ibu Bapa Berdasarkan Cerita Rakyat Melayu” menfokuskan kepada adab terhadap ibu bapa. Kajian ini membincangkan aspek adab dengan begitu meluas. Manakala Nor Asma Ab Aziz dan Muhd Norizam Jamian (2016) pula menfokuskan kepada “Akhlah Pemimpin dalam Hikayat Iskandar Zulkarnain: Satu Analisis Pendekatan Adab”. Kajian tersebut memaparkan akhlak *Iskandar Zulkarnain* sebagai seorang pemimpin yang menjadikan Islam sebagai teras pentadbirannya. Seterusnya, Mohd Fahmi Ismail, Salmah Jan Noor Muhammad & Mohd Sharifudin Yusop (2015) dalam kertas kerja yang bertajuk “Cerita Rakyat Melayu: Suatu Analisis Pancaran Jati Diri Masyarakat Melayu sebagai Cerminan Kebudayaan Melayu” memperlihatkan bahawa cerita rakyat Melayu merupakan alternatif untuk membina semangat jati diri yang unggul dan mantap dalam kalangan masyarakat Melayu. Mohamad Firdaus Che Yaacob dan Normaliza Abd.Rahim, (2014) dalam kertas kerja yang berjudul “Cerita Rakyat Membentuk moral positif kanak-kanak Melalui Nilai-nilai Murni.” Penelitian yang dilakukan telah menunjukkan bahawa cerita rakyat sarat dengan nilai moral yang dapat membentuk nilai-nilai murni dalam kalangan kanak-kanak terutamanya. Lain dari itu, Mohd Firdaus Che Yaacob, Nasirin Abdillah, Muhammad Izani Ab. Ghani, Shahariah Norain Shaharuddin dan Siti Nur Anis Muhammad Apandi (2014) iaitu kajian yang bertajuk “Cerminan Moral Positif dalam Cerita-cerita Rakyat Melayu.” Analisis kajian mendapati bahawa terdapat banyak cerminan moral positif yang terkandung dalam cerita rakyat Melayu. Roslina Abu Bakar (2014) menerusi bukunya bertajuk “Interaksi Sosial dalam Penyampaian Cerita Rakyat Melayu.” Menyatakan bahawa interaksi sosial dalam cerita rakyat Melayu bertujuan untuk menyampaikan amanat agar berkelakuan positif seperti pemurah, bantu-membantu, jujur, patuh dan taat, simpati dan bertanggungjawab. Di samping itu, Roslina Abu Bakar (2013) menerusi penulisannya yang bertajuk “Komunikasi Dua Hala Terancang Satu Aplikasi dalam Penyampaian Cerita Rakyat Melayu” turut membincangkan mengenai peranan penglipur lara untuk mewujudkan komunikasi antara audiens agar maklumat yang ingin disampaikan dapat difahami dengan jelas kepada audiens. Abdul Rani (2013) dalam kertas kerja yang bertajuk “Analisis Nilai-nilai Akhlak Islam dalam Kumpulan Cerita Rakyat Anak Hantu” pula memperlihatkan nilai-nilai akhlak yang terkandung dalam *Cerita Rakyat Anak Hantu* yang bertepatan dengan akhlak Islam iaitu berdoa, solat, membaca al-Quran, bertawakkal dan lain-lain. Manakala Efrizal A.S (2012) dalam tesis Phd yang bertajuk “Kajian Estetika Dalam Cerita Rakyat Melayu Kuantan Riau Indonesia” berupaya memperlihatkan nilai estetika yang merangkumi nilai budaya, nilai iman, nilai adat dari sudut budi bahasa, dari sudut moral dan nilai adab. Nilai adab yang dibincangkan melibatkan cerita rakyat Melayu Kuan-Sing yang memaparkan nilai-nilai adab terhadap Allah SWT.

Kesimpulannya, kajian terdahulu memperlihatkan bahawa perbincangan pengkaji mengenai adab hanya menfokuskan kepada cerita rakyat Melayu. Kajian yang diketengahkan adalah secara meluas dan tidak berfokus. Justeru, pemfokusan terhadap cerita binatang khususnya adab kepimpinan adalah wajar untuk dijadikan sebagai nilai tambah dalam kajian kesusasteraan Melayu. Sehubungan dengan itu, cerita binatang merupakan salah satu alternatif orang Melayu untuk mendidik masyarakatnya terutamanya kanak-kanak agar beradab dalam setiap perlakuan. Justeru, kisah *Sang Kancil dan Memerang* tidak hanya

memaparkan kecerdikan dan kepintaran watak Sang Kancil dalam menyelesaikan masalah tetapi menunjukkan kewibawaan sebagai seorang yang berperwatakan sebagai pemimpin walaupun Raja Sulaiman adalah ketua dalam hutan tersebut. Sehubungan dengan itu, kajian yang dilakukan oleh sarjana Barat demi memberi pemikiran yang negatif mengenai cerita rakyat Melayu adalah sesuatu yang tidak relevan kerana cerita binatang merupakan simbol kepada masyarakatnya dalam mendidik anak-anak agar menjadi insan yang adabi atau insan yang beradab.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini mempunyai dua objektif iaitu yang pertama untuk mengenalpasti elemen adab yang terdapat di dalam cerita binatang dan untuk menganalisis kesan penerapan adab dalam kalangan masyarakat Melayu berdasarkan cerita binatang iaitu *Kisah Sang Kancil dan Memerang*.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian mengenai Kisah Sang Kancil dan Memerang sebagai Adab kepimpinan dalam Kalangan Kanak-Kanak mengaplikasikan teknik kualitatif iaitu kaedah analisis kandungan dan kajian lapangan. Selain itu, pengkaji mengaplikasikan Pendekatan Adab berasaskan kerangka pemikiran Syed Muhammad Naquib Al-Attas pada tahun (2001). Pengkaji mengaplikasikan beberapa elemen yang terdapat dalam pendekatan adab antaranya ialah faham agama, faham ilmu dan faham keadilan. Faham agama, faham ilmu dan faham keadilan merupakan salah satu elemen yang akan membawa insan dekat kepada pencipta. Apabila insan dekat kepada pencipta akan menimbulkan satu perasaan takut kepada larangannya maka secara tidak lansung akan melahirkan insan yang mempunyai akhlak yang mulia dan beradab tingkah lakunya. Berdasarkan Kisah Sang Kancil dan Memerang, adab sebagai kepimpinan dapat diterapkan kepada kanak-kanak melalui kisah ini apabila watak dan perwatakan binatang seperti manusia yang ditonjolkan dapat dijadikan sebagai panduan kepada kanak-kanak.

PENDEKATAN ADAB SATU KERANGKA PEMIKIRAN SYED NAQUIB AL-ATTAS

Muhammad Zainiy Uthman (2002: xxii) menjelaskan bahawa Syed Muhammad Naquib Al-Attas merupakan seorang tokoh ilmunan yang hebat dan banyak memberi sumbangan ilmiah yang penting dan berpengaruh. Pendekatan Adab merupakan satu kerangka pemikiran Syed Muhammad Naquib Al-Attas dan kerangka ini memberi sumbangan yang besar dalam bidang ilmiah. Justeru, Kajian ini akan mengaplikasikan Pendekatan Adab berasaskan kerangka pemikiran Syed Naquib Al-Attas pada tahun 2001. Berdasarkan pemikiran Syed Naquib Al-Attas (2001) terdapat beberapa gagasan atau prinsip yang digariskan untuk mencapai insan yang beradab. Antara gagasan yang terdapat dalam Pendekatan Adab yang berasaskan kerangka pemikiran Syed Naquib Al-Attas (2001) ialah faham agama, faham keadilan, faham ilmu, faham kebudayaan dan kedudukan agama, faham kebebasan, akhlak dan amalan akhlaikiah, faham bahasa, faham kesusasteraan dan kesenian, faham akal dan faham sekular dan pensekularan. Berdasarkan pendapat yang dikemukakan oleh Adi Setia Md. Din (2012: 416) semua gagasan ini merupakan falsafah yang terkandung di dalam pendidikan Islam yang membawa insan kepada faham tataadab. Tataadab merupakan tingkah laku yang akan menjadikan seseorang itu beradab apabila kerakusan nafsu dapat diatasi dan dilumpuhkan oleh kewarasan akal.

Keseluruhan gagasan yang digariskan berdasarkan pemikiran Syed Naquib Al-Attas dilihat relevan dan signifikan untuk diterapkan dalam kajian ini kerana aspek yang terkandung dapat membuktikan kerelevanan elemen adab yang terdapat dalam cerita binatang. Kisah Sang Kancil dan Memerang secara tidak lansung memperlihatkan elemen adab yang dapat diterapkan dalam diri masyarakat Melayu. Namun begitu, Kajian ini hanya akan mengaplikasikan faham agama, faham ilmu dan faham keadilan kerana

kerelevanannya dalam penganalisisan ini. Pertamanya, kupasan akan menfokuskan kepada makna adab yang telah dikemukakan oleh Syed Naquib Al-Attas yang menjelaskan mengenai adab iaitu:


Adab itu perolehan diri akan keadaan atau kedudukan yang betul dan benar yang tiada dapat tiada sesuai dengan keperluan ilmu dan hikmat dan keadilan, serta perbuatan diri terhadap keadaan atau kedudukan yang betul dan benar itu menurut letaknya dalam rencana susunan berperingkat martabat dan darjat yang mencarakan tabiat semesta.

(Syed Naquib Al-Attas, 2001: 118)

Pendapat yang dikemukakan oleh beliau memberi makna yang sangat mendalam mengenai konsep adab iaitu adab merupakan sesuatu perbuatan yang baik dan benar yang dilakukan kerana adanya ilmu dalam diri seseorang. Manusia yang berilmu secara automatik akan melakukan perbuatan yang betul dan benar dan secara tidak langsung akan bersikap adil yang akan membentuk insan yang adabi atau beradab (Syed Naquib Al-Attas, 2001: 43). Beliau menjelaskan lagi bahawa untuk menjadi insan yang beradab, setiap individu akan melalui beberapa ujian untuk mengangkat martabat dan darjat seseorang insan.

Pendekatan Adab mengagaskan faham agama sebagai prinsip yang terkandung di dalamnya berasaskan kerangka pemikiran Syed Naquib Al-Attas (2001). Berdasarkan faham agama, Syed Naquib Al-Attas (2001: 30) menjelaskan bahawa manusia berhutang dengan Allah SWT kerana Allah telah menciptakan manusia daripada ada kepada tiada. Selain itu, Allah SWT juga telah memberikan segala nikmat kepada hambanya tidak terhingga. Antaranya ialah kekuatan tenaga, nikmat akal, nikmat melihat, nikmat mendengar, dan sebagainya. Semua anugerah ini Allah kurniakan kepada hamba-Nya dan memperlihatkan bahawa manusia hanya insan yang lemah dan tidak berdaya. Justeru, seperti yang telah dijelaskan, faham agama menuntut manusia untuk melaksanakan hutangnya kepada Allah SWT. Hutang yang dimaksudkan ialah hutang budi iaitu insan dituntut untuk melaksanakan segala suruhannya dan meninggalkan larangan-Nya. Hal ini jelas melalui pendapat yang dikemukakan oleh Syed Naquib Al-Attas (2001: 31) yang menjelaskan bahawa insan hendaklah menyerahkan diri-Nya kepada Allah SWT dan patuh kepada perintah-Nya kerana dengan menyerahkan dirinya kepada Allah SWT insan akan dapat menerapkan jiwanya dengan tatasusila agama yang luhur secara tidak langsung akhlak yang mulia dan beradab mekar berkembang dalam jiwa setiap insan yang berpegang teguh kepada faham agama.


Seterusnya, Pendekatan Adab turut menggariskan faham keadilan yang merupakan aspek yang sangat penting untuk melahirkan insan yang adab atau beradab. Faham keadilan mempunyai pertalian yang erat dengan faham agama. Sehubungan dengan itu, untuk membentuk insan yang beradab dan berakhlak mulia adalah sangat penting elemen ini diterapkan. Untuk mencapai tahap insan yang beradab, faham keadilan menetapkan keadilan tidak hanya dilakukan semata-mata terhadap masyarakat tetapi keadilan yang utama adalah keadilan terhadap diri sendiri yang merujuk dasarnya kepada Allah SWT.



Rajah 1: Faham Keadilan

Berdasarkan rajah di atas, faham keadilan berdasarkan kerangka pemikiran Syed Naquib Al-Attas (2001: 390) dapat dilihat dengan jelas bahawa untuk bergelar sebagai insan yang adabi setiap individu perlu adil terhadap diri sendiri terlebih dahulu. Adil terhadap diri sendiri adalah sangat penting kerana perjanjian utama setiap insan adalah dengan Tuhannya iaitu Allah SWT kemudian diikuti oleh masyarakat dan negara secara tidak langsung ketaatan dan kerelaan insan adalah kepada Tuhan bukan kepada masyarakat dan negara. Oleh itu, keadilan terhadap diri sendiri memperlihatkan bahawa punca utama akhlak dan budi pekerti dalam diri seseorang itu adalah kepada Allah SWT bukan kepada masyarakat dan negara. Atas alasan yang sedemikian, faham keadilan menuntut agar insan adil terhadap diri sendiri terlebih dahulu kemudian diikuti adil terhadap masyarakat dan negara. Hal ini sedemikian kerana, dengan adil terhadap diri sendiri akan melahirkan insan yang berakhlak mulia dan beradab dan pastinya akan adil terhadap masyarakat dan negara.

Seterusnya, faham ilmu berasaskan kerangka pemikiran Syed Naquib Al-Attas (2001: 43) merupakan tunjang yang sangat penting bagi pembentukan adab dalam diri setiap insan. Faham ilmu yang dimaksudkan bukan merujuk kepada ilmu sains dan teknologi yang dijadikan tunjang dalam kehidupan seperti orang-orang Barat, tetapi faham ilmu yang ditegaskan ialah ilmu keagamaan yang sangat penting dijadikan sebagai dasar hidup kerana dari segi pandangan Islam manusia yang baik akan insaf terhadap tanggungjawab terhadap Tuhan-Nya iaitu ia akan menunaikan keadilan terhadap dirinya, masyarakat dan negara, berusaha untuk mendalami ilmu keagamaan dan seterusnya berusaha untuk memperbaiki setiap tingkah lakunya dan sentiasa mengasuh diri agar dapat menuju kesempurnaan sebagai insan yang adabi. Berdasarkan kepada prinsip faham ilmu, Syed Naquib Al-Attas (2001: 52) telah membahagikan ilmu kepada dua bahagian iaitu:



Rajah 2: Faham Ilmu

Berdasarkan rajah 2 mengenai faham ilmu dapat dilihat Syed Naquib Al-Attas membahagikan faham ilmu kepada dua iaitu ilmu pengenalan dan ilmu pengetahuan. Syed Naquib Al-Attas (2001: 56) menjelaskan bahawa ilmu pengetahuan jika tidak dihadkan batas penggunaan serta kefahaman dengan berpandukan kepada tujuan akhir tuntutan sebagaimana dijelaskan oleh ilmu pengetahuan, maka akan sentiasa terus menerus menjadi kabur dan penuh dengan syak wasangka. Sehubungan dengan itu adalah sangat penting ilmu pengetahuan dirujuk kepada ilmu pengenalan terlebih dahulu agar setiap keputusan dan tindakan yang diambil tidak bertentangan dengan ketetapan dan suruhan-Nya. Syed Naquib Al-Attas (2001: 54) turut menekankan bahawa ilmu yang mempunyai pertalian yang erat dengan akhlak dan budi pekerti iaitu ilmu pengenalan merupakan i asbab kepada faham ilmu bagi membentuk insan yang adabi atau beradab.

Kesimpulannya, pendekatan Adab berasaskan kerangka pemikiran Syed Naquib Al-Attas (2001) menggariskan prinsip-prinsip yang relevan bagi pembentukan adab. Prinsip yang dikemukakan bagi membentuk insan yang adabi secara dasarnya berteraskan kepada Allah SWT sebagai petunjuk. Hal ini kerana dengan melaksanakan suruhan dan perintah-Nya secara tidak langsung tingkah laku yang baik akan dapat diterapkan dalam diri insan. Secara keseluruhannya, prinsip yang terkandung dalam Pendekatan Adab iaitu faham agama, faham keadilan dan faham ilmu merupakan prinsip yang cukup lengkap bagi menghasilkan insan yang adabi berdasarkan kepada *Kisah Sang Kancil dan Memerang* khususnya untuk diterapkan kepada kanak-kanak agar menjadi insan yang adabi dan beradab.

PERBINCANGAN

Tenas Effendy (2000: 1) menjelaskan bahawa pemimpin merupakan mereka yang disebut sebagai orang yang dituakan oleh kaum dan bangsanya. Beliau juga menjelaskan bahawa pemimpin merupakan orang yang paling dekat dengan rakyatnya yang memainkan peranan penting untuk mengakrabkan hubungan dengan rakyat agar masyarakat hidup dalam keadaan makmur dan sejahtera. Seterusnya, Mohd Fhakhurazi Abdul Halim (2012: 5) mendefinisikan pemimpin adalah *Al-Mala* (ketua). Dikatakan bahawa ketua merupakan golongan yang paling mulia. Dalam bahasa Arab dapat dilihat dengan jelas bahawa perkataan *Al-Mala* merujuk kepada kaum bangsawan dan golongan pembesar. Berdasarkan *Kisah Sang Kancil dan Memerang* dapat dilihat adab pemimpin yang ditonjolkan melalui watak Sang Kancil dan Raja

Sulaiman. Seperti yang diketahui oleh masyarakat umum watak Sang Kancil begitu popular kerana pintar dalam menyelesaikan sesuatu masalah. Hal ini dapat dilihat dalam *Hikayat Pelanduk Jenaka* (Daud Baharum, 1962) tokoh binatang yang memainkan peranan utama ialah pelanduk atau kancil yang dikenali sebagai pelanduk jenaka yang mengishtiharkan dirinya yang dilantik oleh seorang wali Allah menjadi raja dirimba dengan gelaran Tuan Syeikh Alam Dirimba. Segala tindak tanduk Pelanduk memperlihatkan sifatnya sebagai pemimpin dan ketua di rimba. Kepintaran yang ditonjolkan oleh watak ini memperlihatkan segala tingkah laku yang wajar untuk dijadikan sebagai contoh tauladan kepada kanak-kanak agar dapat membentuk jiwa kepada insan yang adabi.

ADAB PEMIMPIN YANG DAPAT DITERAPKAN TERHADAP KANAK-KANAK

Berdasarkan pendekatan adab iaitu kerangka pemikiran Syed Muhammad Naquib Al-Attas (2001: 25) menjelaskan bahawa sebagai seorang pemimpin terdapat beberapa adab yang perlu diamalkan oleh seorang pemimpin untuk mewujudkan suasana yang aman damai dan tenteram dalam sesebuah masyarakat antaranya ialah amanah, berilmu, bertanggungjawab adil, bijaksana dan baik budi bicaranya. Pemimpin bukan sahaja ketua bagi sesebuah Negara tetapi pemimpin melibatkan segenap aspek kehidupan antaranya pemimpin dalam sesebuah keluarga, pemimpin di dalam kelas, pemimpin dalam kumpulan dan sebagainya. Justeru berdasarkan cerita binatang Melayu iaitu *Kisah Sang Kancil dan Memerang* dengan jelas memaparkan watak Sang Kancil dan Raja Sulaiman sebagai watak pemimpin iaitu:

- I.** Adil
- II.** Amanah
- III.** Bijaksana
- IV.** Lemah lembut ketika berbicara

Bersikap Adil

Berdasarkan pendapat Syed Muhammad Naquib Al-Attas (2001: 39), adil bermaksud meletakkan sesuatu kena pada tempatnya. Tindakan sedemikian akan meletakkan insan kepada taraf kemurnian insaniah. Dengan kata lain insan dapat dimaksudkan sebagai perbuatan yang tidak menzalimi diri sendiri. Beliau menjelaskan lagi bahawa keadilan yang tersemat dalam diri pemimpin menggambarkan ketaatannya kepada Allah SWT yang mengukuhkan lagi akhlak dan budi pekerti pemimpin itu. Berdasarkan *Kisah Sang Kancil dan Memerang* dapat dilihat sikap keadilan yang dipaparkan melalui watak Sang Kancil yang merasa geram dengan memerang yang selalu membunuh ikan untuk diberikan kepada anak-anaknya. Lalu Sang Kancil melakukan sesuatu muslihat untuk membalas perbuatan ibu memerang yang kejam. Semasa ketiadaan ibu memerang, Sang Kancil telah memijak mati kesemua anak-anak memerang. Ibu memerang yang melihat perbuatan Sang Kancil berasa sangat marah lalu melaporkan tindakan Sang Kancil kepada Raja Sulaiman. Raja Sulaiman merupakan seorang pemimpin yang adil apabila baginda tidak terus menjatuhkan hukuman kepada Sang Kancil tetapi menyiasat perkara tersebut dengan memanggil Sang Kancil untuk mengetahui cerita yang sebenar. Hal ini dapat dilihat berdasarkan petikan yang berikut iaitu;

“Wahai Tuanku, Sang Kancil telah membuat onar dengan membunuh semua anak-anakku. Hamba meminta keadilan untuk menjatuhkan hukuman yang wajar kepada Sang Kancil.” Raja Sulaiman sangat terkejut dengan tindakan Sang kancil dan tidak menyangka Sang Kancil akan bertindak sebegitu kejam. Lalu baginda Raja Sulaiman memerintahkan burung hud-hud untuk memanggil Sang Kancil masuk mengadab untuk mengetahui cerita yang sebenar. “Wahai Sang Kancil,

Aku dimaklumkan oleh ibu memerang bahawa engkau telah membunuh anak-anaknya. “Mengapakah engkau berkelakuan sedemikian?”

(Kisah Sang Kancil dan Memerang, Mamat Ali, 20 September 2017)

Berdasarkan petikan di atas dapat dilihat dengan jelas sikap adil raja Sulaiman terhadap rakyatnya. Baginda tidak terus menjatuhkan hukuman kepada Sang Kancil tetapi menyiasat terlebih dahulu perkara yang dilaporkan agar dapat memberi keadilan kepada semua pihak. Kisah Sang Kancil dan Memerang memperlihatkan watak Raja Sulaiman yang adil terhadap rakyatnya. Hal ini dapat memberi teladan kepada kanak-kanak bahawa sebagai seorang pemimpin adab yang perlu diterapkan dalam diri seseorang itu ialah sikap adil. Hal ini dapat dilihat sebelum menjatuhkan hukuman kepada Sang Kancil, Raja Sulaiman menyiasat terlebih dahulu perbuatan yang dilaporkan dengan memanggil semua saksi yang berkaitan. Keadilan juga dapat dilihat melalui watak Sang kancil yang merasa kasihan terhadap ikan yang selalu dimakan oleh ibu memerang tersebut sehingga Sang Kancil membuat sesuatu tipu helah agar ibu memerang akan dihukum. Berdasarkan faham keadilan, Syed Muhammad Naquib Al-Attas Syed Naquib Al-Attas (2001: 390) menjelaskan bahawa untuk bergelar sebagai insan yang adabi setiap individu perlu adil terhadap diri sendiri terlebih dahulu. Adil terhadap diri sendiri adalah sangat penting kerana perjanjian utama setiap insan adalah dengan Tuhannya iaitu Allah SWT barulah diikuti oleh masyarakat dan negara. Secara tidak langsung ketaatan dan kerelaan insan adalah kepada Tuhan. Keadilan terhadap diri sendiri akan melahirkan insan yang beradab dan berakhlak dengan akhlak yang mulia.

Bersikap Amanah

Sebagai seorang pemimpin antara adab yang perlu ada dalam dirinya adalah sikap amanah dan tanggungjawab. Pemimpin merupakan seorang yang dianggap mulia dan dihormati oleh masyarakat. Sehubungan dengan itu pemimpin perlu amanah dalam melaksanakan segala tanggungjawab dan tugasnya. Berdasarkan pendapat Syed Naquib Al-Attas (1976:65) amanah merupakan kepercayaan yang telah diberikan. Di mana amanah ini diuji dengan kelayakannya atas dasar lama dan ikhlasnya taat setia persahabatan. Berdasarkan cerita binatang *Kisah Sang Kancil dan Memerang* dapat dilihat sikap amanah Sang Kancil dan Raja Sulaiman. Sikap amanah Sang Kancil dapat dilihat melalui tindakannya yang tidak melaporkan perbuatan ibu memerang secara terus kepada Raja Sulaiman tetapi Sang Kancil membuat tipu helah agar hukuman yang dikenakan kepada ibu memerang lebih adil. Hal ini dapat dilihat berdasarkan petikan yang berikut iaitu:

Semasa Sang Kancil sedang bersiar-siar dia melihat Ibu memerang sedang menangkap ikan untuk diberikan kepada anak-anaknya. Tindakan ibu memerang itu menimbulkan perasaan kurang senang Sang Kancil. Lalu memutuskan untuk memijak mati semua anak memerang. “Aku akan memberi pelajaran kepada ibu memerang biar dia tak bunuh lagi ikan-ikan di sungai.”

(Kisah Sang Kancil dan Memerang, Mamat Ali, 20 September 2017)

Berdasarkan petikan tersebut, setelah Sang kancil memijak mati anak memerang, dia telah dipanggil oleh Raja Sulaiman untuk memberi penjelasan mengenai perkara tersebut. Sang Kancil menjelaskan bahawa tindakannya membunuh anak memerang adalah secara tidak sengaja kerana bunyi gendang yang dimainkan oleh burung hantu menyebabkannya dirinya sangat teruja dan menari sehingga tidak menyedari telah memijak anak memerang. Setelah mendengar cerita Sang Kancil Raja Sulaiman

memanggil pula burung hantu dan bertanya kepada burung hantu akan sebab tindakannya memukul gendang. Peristiwa tersebut dapat dilihat berdasarkan petikan yang berikut:

Setelah mendengar kisah daripada Sang Kancil. Raja Sulaiman memerintahkan agar burung hud-hud memanggil burung hantu masuk mengadap. “Wahai burung hantu Kenapa engkau memukul gendang. Tidakkah engkau tahu bahawa perbuatanmu itu telah menyebabkan Sang Kancil menari sehingga menyebabkan kematian anak memerang.” Dengan muka yang pucat burung hantu menyahut soalan Raja Sulaiman. “Ampunkan patik Tuanku, Hamba bukan sengaja memukul gendang. Ketika itu hamba melihat biawak membawa tombak di atas belakangnya jadi hamba berfikir bahawa akan berlakunya perang. Dengan sebab demikianlah hamba memukul gendang Tuanku.
(*Kisah Sang Kancil dan Memerang*, Mamat Ali, 20 September 2017)

Sang Kancil dilihat sebagai watak binatang yang sangat bijak dan menyedari bahawa kesalahan-kesalahan yang telah ditudingkan itu akhirnya akan memakan diri ibu memerang juga. Hal ini dapat dilihat apabila Sang Kancil membuat helah bahawa tindakannya membunuh anak memerang adalah secara tidak sengaja ekoran mendengar bunyi gendang yang dimainkan oleh burung hantu. Jika diteliti dengan mendalam tindakan Sang Kancil tersebut adalah semata-mata untuk memberikan hukuman yang setimpal kepada ibu memerang. Selain itu, ditonjolkan watak Raja Sulaiman yang amanah terhadap tugas sebagai pemimpin iaitu agar tidak zalim kepada rakyatnya. Setiap saksi yang terlibat dalam kejadian telah dipanggil untuk mendengar penjelasan supaya hukuman tidak dijatuhkan dengan sewenang-wenangnya. Tindakan Raja Sulaiman menunjukkan bahawa baginda merupakan seorang pemimpin yang amanah dalam kalangan masyarakat. *Kisah Sang Kancil dan Memerang* menunjukkan bahawa sikap amanah oleh watak Sang Kancil dan Raja Sulaiman merupakan salah satu adab yang perlu ada dalam diri setiap pemimpin. Menerusi peristiwa tersebut, kanak-kanak secara tidak langsung akan menyedari peri pentingnya sikap tersebut yang perlu diterapkan dalam diri mereka agar menjadi pemimpin yang tahu amanah dan bertanggungjawab apabila semakin meningkat dewasa. Sikap yang ditonjolkan oleh watak Sang Kancil dan Raja Sulaiman dilihat memenuhi tuntutan faham ilmu berdasarkan pendekatan Adab. Hal ini kerana, sikap amanah yang diamalkan oleh pemimpin secara tidak langsung telah memenuhi tuntutan mempunyai ilmu pengenalan dan ilmu pengetahuan. Ilmu pengenalan merupakan ilmu fardu yang wajib dipelajari oleh setiap Muslim yang beriman. Manakala ilmu pengetahuan adalah ilmu fardu kifayah. Sikap amanah yang diamalkan oleh Sang Kancil yang merupakan watak binatang dan Raja Sulaiman menunjukkan bahawa dengan ilmu akan mewujudkan tindakan yang sedemikian. Hal ini kerana, tanpa kefahaman mengenai ilmu sudah pasti kezaliman akan berleluasa dan amanah tidak dilaksanakan dengan sebaiknya. Justeru, dengan memenuhi tuntutan faham ilmu secara tidak langsung watak tersebut sememangnya telah disuburi dengan nilai-nilai yang mulia di dalam dirinya iaitu memiliki adab dan akhlak yang mulia.

Lemah lembut ketika berbicara

Kisah Sang Kancil dan Memerang juga menonjolkan adab pemimpin yang sangat penting iaitu berbicara dengan lemah-lembut. Lemah lembut bermaksud percakapan yang tidak kasar, menggunakan perkataan yang baik dan menggunakan nada suara yang rendah serta tidak menyakitkan hati orang lain. Berdasarkan *Kisah Sang Kancil dan Memerang*, percakapan lemah-lembut dapat dilihat melalui percakapan terhadap saksi yang menjadi kes pembunuhan anak memerang. Hal ini dapat dilihat menerusi petikan berikut::

Raja Sulaiman memerintahkan agar burung hud-hud memanggil biawak untuk mengadap. Dengan menggunakan kata-kata yang lemah-lembut

Raja Sulaiman bertanya kepada biawak. “wahai biawak, aku mendengar khabar daripada burung hantu dia melihat engkau membawa pedang di atas belakang. Kenapakah engkau berkelakuan sedemikian”? Biawak pun memberitahu kepada Raja Sulaiman, “Ampun Tuanku, patik melihat Kura-kura membawa topi besi. Justeru patik berfikir mungkin kura-kura bersiap sedia untuk berperang. Ampun Tuanku.

(Kisah Sang Kancil dan Memerang, Mamat Ali, 20 September 2017)

Berdasarkan petikan berikut, dapat dilihat adab Raja Sulaiman sebagai seorang pemimpin iaitu baginda bercakap dengan nada yang lemah-lembut untuk mengetahui asbab tindakan biawak yang membawa pedang di atas belakangnya sehingga menyebabkan burung hantu memukul gendang dan Sang Kancil membunuh anak memerang. Raja Sulaiman tidak memarahi biawak dengan perkataan yang kasar kerana menyedari bahawa sebagai seorang pemimpin adalah tidak wajar untuk bercakap kasar dengan rakyatnya apatah lagi baginda masih lagi tidak dapat membuktikan pembunuh sebenar anak memerang tersebut. Tindakan Raja Sulaiman telah menunjukkan bahawa baginda mengetahui adab sebagai seorang pemimpin berteraskan kepada akhlak Rasulullah SAW. Oleh yang demikian, Raja Sulaiman telah mencapai faham ilmu yang telah digariskan berdasarkan Pendekatan Adab berasaskan kerangka pemikiran Syed Naquib Al-Attas (2001). Adab sebagai seorang pemimpin merupakan salah satu ilmu yang terkandung di dalam ilmu pengenalan dan ilmu pengetahuan. Ilmu pengenalan merupakan ilmu fardu ain yang diwajibkan ke atas setiap Muslim manakala ilmu pengetahuan merupakan ilmu fardu kifayah yang diwajibkan terhadap sebahagian Muslim sahaja. Sikap lemah-lembut yang ditonjolkan oleh watak Raja Sulaiman jelas menunjukkan bahawa pengetahuannya mengenai faham ilmu telah menyebabkan adab dan akhlak yang mulia telah tertanam kukuh di dalam dirinya. Adab yang dipaparkan melalui watak Raja Sulaiman juga merupakan contoh yang terbaik untuk menjadi ikutan dan tauladan kepada golongan kanak-kanak terutamanya kerana kisah yang dipaparkan menunjukkan adab pemimpin akan mempengaruhi keamanan sesebuah masyarakat. Kanak-kanak secara tidak langsung akan menerapkan sikap berbicara dengan lemah-lembut ekoran daripada pemaparan cerita binatang akan pentingnya sikap tersebut ketika berbicara supaya menjadi seorang pemimpin yang disayangi dan disegani oleh rakyatnya.

Bijaksana

Sebagai seorang pemimpin, adab yang perlu ada dalam diri seseorang pemimpin ialah sikap bijaksana. Bijaksana bermaksud berakal budi, pandai dan berhati-hati. Berdasarkan *Kisah sang Kancil dan Memerang*, adab kepimpinan yang terpapar adalah sikap bijaksana Sang Kancil yang cuba untuk menyelamatkan ikan daripada menjadi mangsa kepada ibu memerang. Hal ini dapat dilihat apabila tindakannya membunuh anak memerang sebagai sikap bijaksananya untuk menghukum ibu memerang tersebut. Hal ini dapat dilihat apabila sang Kancil cuba meletakkan kesalahannya kepada burung hantu dan biawak. Setelah biawak memberi penjelasan bahawa dia membawa tombak kerana melihat kura-kura memakai topi besi dan menyangka akan berlakunya peperangan. Oleh kerana itu, biawak bersiap sedia. Setelah mendengar penjelasan daripada biawak, Raja Sulaiman memerintahkan burung hud-hud untuk memanggil pula kura-kura. Kura-kura memberitahu bahawa tindakannya memakai topi besi adalah kerana melihat udang memakai tombak. Justeru itu, Raja Sulaiman memerintahkan pula agar udang untuk masuk mengadab. Udam menjelaskan bahawa dia membawa tombak kerana melihat keadaan ikan yang gelisah dengan ke hulu dan ke hilir dan akhirnya Raja Sulaiman memerintahkan agar burung hud-hud memanggil ikan untuk mengetahui punca tersebut. Lalu ikan memberitahu Raja Sulaiman bahawa ibu memerang telah memakan ikan-ikan disungai dan anak-anaknya telah banyak mati dibunuh. Akhirnya ibu memerang telah dihukum di atas perbuatannya yang membunuh ikan-ikan di sungai. Kisah ini memperlihatkan sikap Sang Kancil yang bijaksana dalam tindakannya. Hal ini kerana tindakan yang sewenang-wenangnya akan menyebabkan dia sebagai ketua akan menerima padahnya. Hal ini dapat dilihat dalam petikan yang berikut:

“Ampun Tuanku, Patik melihat ikan begitu resah dan gelisah dan mundar-mandir. Dengan sebab yang demikianlah Patik membawa tombak Tuanku. Jelas udang. Lalu Raja Sulaiman memerintahkan agar ikan masuk mengadab. “Wahai ikan mengapakah engkau mundar-mandir dan gelisah. Adakah terjadinya perkara yang merunsingkan fikiran engkau.” Tanya zraja Sulaiman terhadap ikan. “Ampun Tuanku Patik gelisah kerana ibu memerang telah banyak makan ikan di sungai serta anak-anak patik habis dibunuhnya Tuanku.” Setelah mendengar penjelasan oleh ikan bahawa ibu memerang telah membunuh banyak ikan di sungai. Raja Sulaiman memerintahkan agar ibu memerang dijatuhkan hukuman yang setimpal di atas perbuatannya.

(Kisah Sang Kancil dan Memerang, Mamat Ali, 20 September 2017)

Berdasarkan petikan di atas, Sang Kancil sangat bijaksana untuk mendapatkan bukti yang sahih sebelum hukuman dijatuhkan. Justeru, adab sedemikian adalah sangat penting bagi setiap pemimpin untuk kesejahteraan masyarakat dan negaranya. Sikap bijaksana yang ditonjolkan oleh watak Sang Kancil secara tidak langsung memenuhi faham keadilan berasaskan kepada pendekatan adab yang merupakan kerangka pemikiran Syed Muhammad Naquib Al-Attas (2001). Hal ini kerana, sikap bijaksana merupakan salah satu perbuatan yang akan memberi keadilan kepada bukan sahaja diri pemimpin tersebut malahan kepada masyarakat dan Negara. Oleh itu, berdasarkan pendapat yang dikemukakan oleh Syed Muhammad Naquib Al-Attas (2001: 390), beliau menjelaskan bahawa untuk bergelar sebagai insan yang adabi setiap individu perlu adil terhadap diri sendiri terlebih dahulu. Adil terhadap diri sendiri adalah sangat penting kerana perjanjian utama setiap insan adalah dengan Tuhannya iaitu Allah SWT dan baharulah diikuti oleh masyarakat dan negara. Secara tidak langsung, ketaatan dan kerelaan insan adalah kepada Tuhan dan bukan kepada masyarakat dan negara. Keadilan terhadap diri sendiri akan melahirkan insan yang beradab dan berakhlak dengan akhlak yang mulia. Hal ini kerana, adil secara harfiahnya bermaksud meletakkan sesuatu kena pada tempatnya dan ini sangat bertepatan dengan adab Sang Kancil sebagai seorang pemimpin yang bijaksana. Sehubungan dengan itu, kisah *Sang Kancil dan Memerang* yang ditonjolkan akan dapat menerapkan nilai dan teladan kepada kanak-kanak. Sesungguhnya seseorang pemimpin perlu mempunyai sikap dan berkelakuan secara bijaksana kerana ia merupakan salah satu ciri yang perlu ada dalam pemimpin Islam. Justeru, kanak-kanak tidak akan sesekali memandang ringan tentang perkara ini apatah lagi pamparan watak Sang Kancil yang bijaksana akan melahirkan insan yang adabi atau insan yang beradab.

KESIMPULAN

Cerita binatang bukan sahaja memberi hiburan kepada kanak-kanak melalui watak binatangnya. Malahan cerita yang diketengahkan memberi banyak pengajaran yang dapat membentuk insan yang adabi atau insan yang beradab. namun begitu tidak dapat dinafikan bahawa cerita binatang dapat menimbulkan kelucuan dan kejenakaan kepada kanak-kanak. Secara tidak langsung mereka akan berasa seronok dan terhibur. Adab pemimpin yang ditonjolkan melalui watak binatang iaitu Sang Kancil dan Raja Sulaiman secara tidak langsung dapat menerapkan elemen adab dalam jiwa kanak-kanak supaya mereka menyedari tugas dan tanggungjawab sebagai seorang pemimpin apabila mereka dewasa nanti. Penganalisan berasaskan kepada pendekatan Adab iaitu kerangka pemikiran Syed Muhammad Naquib Al-Attas menguatkan lagi elemen yang telah dibincangkan. Pendekatan adab mengetengahkan beberapa prinsip yang diterapkan dalam perbincangan mengenai adab pemimpin dalam Kisah Sang Kancil dan memerang iaitu faham keadilan, faham ilmu dan faham agama. Secara tidak langsung adab yang tertanam dalam diri masyarakat akan membentuk nilai murni yang akan membawa kebahagiaan di dunia dan akhirat. Pendekatan Adab berasaskan kerangka Pemikiran Syed Naquib Al-Attas juga melalui prinsip faham

agama, faham ilmu dan faham keadilan yang menggariskan kriteria-kriteria yang perlu dicapai bagi membentuk insan yang beradab. Oleh itu, melalui penerapan adab dalam kalangan masyarakat Melayu berdasarkan *Kisah Sang Kancil dan Memerang* akan mewujudkan sikap hormat mengormati, tolak ansur dan berhemah dalam diri dalam kalangan rakyat ekoran sikap pemimpin yang beradab dalam tindakannya. Hal ini sekali gus dapat membuktikan bahawa walaupun masyarakat sehingga kini masih dibelenggu dengan kemodenan teknologi tetapi tidak dapat menandingi cerita rakyat yang dilihat berfungsi sebagai penerapan elemen adab khususnya dalam diri kanak-kanak.

Bibliografi

- Abdul Rani, 2013. Analisis Nilai-nilai Akhlak Islamiah dalam Kumpulan Cerita Rakyat Anak Hantu. Program studi pendidikan dan sastra Indonesia dan Daerah. Pontianak: Universitas Tanjung Pura.
- Adi Setia Md. Dom. 2012. *Rencana Penyelidikan Sains Islam Ke Arah Melaksanakan Gagasan Pengislaman Sains Menurut Kerangka Faham Syed Muhammad Naquib Al-Attas* dlm. Adab dan Peradaban Karya Pengikhtirafan Untuk Syed Muhammad Naquib Al-Attas. Selangor: Mph Group Publishing Sdn. Bhd.
- Daeng Abdul Hamid. 1953. Majlis Peperiksaan Malaysia (Penye.). Warna Sari: Sastera Melayu Tradisional. Kuala Lumpur Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Efrizal A.S. 2012. Kajian Estetika Dalam Cerita Rakyat Melayu Kuantan Riau Indonesia. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Hashim Haji Musa. 2008. Hati Budi Melayu Pengukuhan menghadapi Cabaran Abad ke-21. Serdang. Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Jamilah Haji Ahmad 1993. Kesusasteraan Melayu tradisional. Kuala Lumpur Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mamat Ali. 2017. Kisah Sang Kancil dan Memerang. Kelantan
- Mana Sikana, 2007. Teras Melayu Tradisional, Selangor: Terbitan Pustaka Raya.
- Mohd Fhakhurrazi Abdul Halim. 2012. Sikap Pemimpin (al-Mala) Terhadap Dakwah Para Rasul. Pulau Pinang. Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Mohd Taib Osman. 1991. Pengkajian Sastera Rakyat Bercorak Cerita. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Firdaus Che yaakob dan Normaliza Abd.Rahim, 2014. Cerita Rakyat Membentuk moral positif kanak-kanak melalui nilai-nilai murni. *Jurnal of business and Social Deveolepment*, 2(2): 74-85.
- Mohd Fahmi Ismail, Salmah Jan Noor & Muhammad, Mohd Sharifudin Yusop, 2015. Cerita Rakyat Melayu: Suatu Analisis Pancaran Jati Diri Masyarakat Melayu sebagai Cerminan Kebudayaan Melayu, *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*. 03:91-100.
- Nor Asma Ab Aziz & Muhd Norizam Jamian, 2016. Akhlak Pemimpin Dalam Hikayat Iskandar Zulkarnain: Satu Analisis Pendekatan Adab. *Jurnal Melayu*15(1): 50-66.
- Siti Fatimah Mamat, Roslina Abu Bakar & Arba'ie Sujud. 2018. Adab Terhadap Ibu Bapa Berdasarkan Cerita Rakyat Melayu. Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu.
- Syed Muhammad Naquib Al-Attas. 2001. Risalah Untuk Kaum Muslimin. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Muhammad Naquib Al-Attas 1976. Islam: Faham Agama dan Asas Akhlak. Kuala Lumpur. Yayasan Anda Akademik.
- Syed Muhammad Naquib Al-Attas. 2002. Makna Kebahagiaan dan Pengalamannya Dalam Islam. Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC).
- Tennas Effendy. 2000. Pemimpin dalam Ungkapan Melayu. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.